

GADING

majalah akademik itm
cawangan pahang.



BIL. 1

JILID 2

JAN/JUN 1990

daftar isi:

1. KOMUNIKASI
2. A MODEL SOLUTION FOR RADAR SURVEILLANCE
- LB. RIGIDITY
- 2300
- .G33
3. KONSEP KIASI ILMU: BEBERAPA PERSOALAN
4. TESTING AND MEASUREMENT: AN OVERVIEW
5. PREDICTION BASED ON REGRESSION ANALYSIS
6. MAJLIS PERBANDARAN KUANTAN DAN PERSPEKTIF MASA DEPAMNYA
7. A.C. THIN FILM ELECTROLUMINESCENCE
8. KONSEP KEDAULATAN DALAM ISLAM
9. INFINITESIMAL RIGIDITY OF FRAMEWORKS

ISLAMISASI ILMU - BEBERAPA PERSOALAN

Oleh: Azman Taher

1. PENDAHULUAN

Sebelum saya pergi lebih jauh dalam percubaan saya untuk mengupas tajuk rencana di atas, ingin saya menyatakan di sini bahawa rencana ini bukanlah untuk mereka yang berugama Islam sahaja, tetapi sebenarnya rencana ini ialah untuk renungan semua tidak mengira bangsa, kaum atau ugama. Ia bertujuan untuk memberikan satu pandangan yang “universal” tentang aspek ilmu, khususnya, pembangunan intelektual dalam ertikata yang sebenarnya.

Setiap insan yang dilahirkan wajib atau mesti menuntut ilmu. Ini adalah merupakan tanggung-jawab kita bersama. Apabila soal ilmu ditimbulkan, ia merangkumi semua cabang ilmu termasuklah ilmu-ilmu ugama. Firman Allah SWT bermaksud:-

“Allah akan meninggikan orang-orang yang beriman diantara kamu orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan beberapa darjat.”

(Al-Mujadilah : 11)

Soalnya, ilmu yang bagaimana? Ilmu yang dimaksudkan di sini ialah ilmu yang bertujuan untuk **mendidik** individu supaya dapat membina insan yang rasional, waras, kritikal serta analitikal. Membentuk individu yang berupaya membezakan yang baik dan yang buruk, antara yang sah dan yang bathil. Lantas, secara kolektifnya membentuk sebuah masyarakat yang stabil, bersih dan progresif.

Ramai, terutamanya para industrialis barat, samada tidak menyedari atau sengaja tidak mengakui bahawa masalah-masalah sosial dan teknikal yang dihadapi masakini adalah disebabkan oleh “pembangunan” yang tidak mengenal sempadan. Manusia menggunakan “ilmu” yang ada pada mereka untuk memusnahkan dan meracuni alam persekitaran. Buktinya, satu fenomena yang dikenali sebagai “The Greenhouse Effect”. Firman Allah SWT:-

“Apabila langit telah terbelah. Dan bintang-bintang telah berguguran. Dan lautan bergelora.”

(Al-Infitaar 1 - 3)

“Sesungguhnya apa yang dijanjikan kepada kamu pasti akan berlaku. Maka apabila bintang-bintang telah dihapuskan. Dan apabila langit telah terbelah. Dan apabila gunung-gunung dilumatkan.”

(Al-Mursalat 7 - 9)

Jelas menunjukkan bahawa manusia gagal untuk menghormati alam persekitaran yang menjadi sumber utama rezeki kehidupan dunia seluruhnya. Hakikat ini telah dibentangkan dan dibincangkan dengan terperinci oleh Sayyed Hossein Nasr dalam bukunya "Man and Nature - The Spiritual Crisis of Modern Man".

Oleh itu, saya dengan tegas menggunakan istilah **mendidik** di dalam perenggan di atas kerana saya akan hanya mengambil kira ilmu yang mempunyai tujuan serta objektif yang positif. Ilmu yang bermatlamat untuk membina seseorang hidup serta tamaddun manusia atau mengkhianati amanah Allah SWT seperti menipu, pecah amanah dan merompak tidak akan dipertimbangkan sama sekali.

2. PENTAKRIFAN

2.1 Islam

Apabila disebut tentang Islam, ramai yang membayangkan Islam hanya sebagai satu ugama. Tetapi, pengertian Islam adalah lebih dalam dari itu. Islam adalah Ad-Din atau cara hidup yang direhui oleh Allah SWT. Jadi, apabila Islam disifatkan sebagai cara hidup maka segala yang dilakukan seperti makan, minum, tidur, bekerja, belajar dan bergaul mestilah selaras dengan kehendak serta panduan yang telah ditetapkan supaya usaha dan ibadah kita diterima oleh Allah SWT. Dalam erti kata lain, Islam bermaksud penyerahan total manusia kepada Tuhan Yang Satu dalam usaha mencari keharmonian dan kesejahteraan dunia dan akhirat.

2.2 Islamisasi

Istilah ini bukanlah hanya bermaksud "mengIslamkan" tetapi ia merujuk kepada satu proses jangka panjang untuk memperbetulkan persepsi individu terhadap sesuatu fenomena, kejadian atau objek. Proses Islamisasi bertujuan supaya persepsi individu bukanlah berdasarkan kepada semata-mata budaya barat atau pengaruh-pengaruh yang tidak sihat tetapi berdasarkan kepada sumber yang sah dan benar iaitu Al-Quran dan Hadis.

2.3 Ilmu

Mengikut Progressive Dictionary yang diterbitkan bersama oleh Oxford University Press dan Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., Ilmu bererti pengetahuan (knowledge). Ilmu, sebenarnya, ialah satu istilah yang mempunyai makna dan implikasi yang lebih dalam dari pengetahuan. Ilmu ialah salah satu dari sifat 20 Allah SWT. Ilmu Allah tidak ada hadnya, samada yang nyata atau yang tidak nyata, samada yang terang atau yang gelap, samada yang ada atau yang tiada. Malah, ilmu yang ada pada Allah tidak dapat digambarkan dengan sepenuhnya oleh manusia.

Ramai diantara kita yang tidak menyedari bahawa ilmu yang disebarluaskan melalui sekolah-sekolah dan institusi-institusi pengajian tinggi tidak “neutral” kerana ianya (ilmu) telah banyak dipengaruhi oleh budaya sumber ilmu tersebut. Kadang-kala pengaruh budaya telah memberikan makna yang bercanggah daripada makna asal ilmu. Isu ini akan dibincangkan dengan lebih dekat kemudian.

Hakikatnya ialah, ilmu yang ada pada manusia datangnya dari Allah SWT. Tetapi, ilmu yang dikurniakan oleh Allah kepada manusia hanyalah “a tiny drop in the vast ocean”. Manusia sebagai khalifah (utusan) di mukabumi ini ditugaskan sebagai penyampai dan penyibar ilmu untuk mendidik dan membangunkan manusia supaya dapat membantu manusia melaksanakan tanggungjawabnya dengan sebaik-baiknya.

Jadi, berpandukan definisi di atas, maksud **ISLAMISASI ILMU** ialah mengIslamkan ilmu atau mengkaji salah-benar, baik-buruk, sah-bathil khususnya dari segi sumbernya sebelum ianya disampaikan atau disebarluaskan kepada “audience” sasaran supaya ilmu tidak bercanggah dengan syariat Islam.

Soalnya sekarang, kepada siapakah harus dipertanggungjawabkan tugas yang berat ini?

3. MENGAPA?

Mengapakah perlu kita mengIslamkan ilmu? Apakah ada pula ilmu Islam dan ilmu yang bukan Islam? Seperti yang dinyatakan terdahulu dari ini bahawa ilmu, walau apa jua cabang ilmu sekalipun datangnya dari Allah SWT. Walau bagaimanapun, ilmu telah dikurniakan oleh Allah SWT kepada individu, kaum atau bangsa tertentu menngikut tahap daya usaha dan daya innovatif mereka tidak mengira kaum, bangsa, ugama atau warna kulit. Di sisi Allah semua manusia adalah sama. FirmanNya:

“Wahai sekalian manusia, Sesungguhnya Kami menjadikan kamu berbangsa dan berpuak-puak untuk kamu dalam keadaan redha dan mendapatkan keredhaan Allah. Masuklah kamu di kalangan hambaKu dan masuklah syurgaKu.”

(Al-Fajr 89:27 30)

Justeru itu, pengaruh budaya individu, kaum atau bangsa itu telah menyebabkan ilmu tidak lagi “neutral” dan secara sengaja atau tidak sengaja telah membela-kangkan sumber yang sebenarnya.

Beikut saya sertakan beberapa contoh untuk menjelaskan maksud saya di atas.

3.1. Contoh 1

Bidang: Organisational Behaviour

Stephen R. Robbins dalam bukunya “Organisational Behaviour - Controversies and Applications” menyatakan:-

“Specifically, values can be categorized into six major types:

a) **Theoretical**

Interest in the discovery of truth through reasoning and diplomatic thinking.

b) **Economic.**

Interest in usefulness and practicality, including the accumulation of wealth.

c) **Sosial**

Interest in people and love as a human relationship.

d) **Aesthetics**

Interest in beauty, form, and artistic harmony.

e) **Religious**

Interest in unity and understand the cosmos as a whole.


f) **Political**

Interest in gaining power and influencing other people.”¹

Sekali imbas, contoh di atas tidak mendatangkan sebarang persoalan atau kesangsian. Memang tidak dinafikan bahawa kesemua nilai-nilai yang di berikan adalah benar. Tetapi, jika dikaji dengan lebih mendalam, ia membayangkan bahawa setiap nilai adalah terpisah dari yang lain. Umpamanya, nilai-nilai keugamaan tidak ada peranan langsung dalam membentuk

nilai-nilai teoritikal. Sekiranya ianya dibenarkan terus berlaku, sistem pendidikan kita akan berjaya melahirkan manusia yang cerdik-pandai tetapi pengisian jiwa dan rohani adalah kosong. Maka lahirlah saintis dan cendiakawan yang menidakkann kewujudan dan kekuasaan Allah SWT.

Pada pendapat saya, ilmu di atas (contoh 1) perlu diubahsuai sejajar dengan kehendak Islam. Cadangan saya ialah dengan membentuk satu model (rujuk model 1) untuk menggambarkan situasi yang sepatutnya.



MODEL 1 : PEMBAHAGIAN NILAI

Model ini menunjukkan bahawa setiap nilai - teoritikal, ekonomi, sosial, politikal dan aestetika - adalah dikawal dan dibendung oleh nilai-nilai keugamaan. Maka lahirlah:-

- saintis dan cendiakawan yang tidak membelakangkan Kekuasaan dan Kewujudan Allah SWT.
- ahli-ahli perniagaan yang tidak angkuh dengan kekayaannya.
- masyarakat yang mengikat tali silaturrahim antara satu sama lain.
- ahli-ahli politik yang amanah dan jujur.
- mereka yang menghargai keindahan tetapi tahu di mana had mereka.

Konsep ini diperkuatkan lagi dengan Firman Allah SWT:-

“Wahai orang-orang yang beriman. Apakah kamu mahu Aku tunjukkan kepada mu satu perniagaan yang boleh melepaskan kamu dari azab yang maha pedih? Iaitulah kamu beriman dengan Allah dan RasulNya, dan kamu berjihad pada jalan Allah dengan harta dan jiwa mu. Yang demikian adalah baik bagimu sekiranya kamu mengetahui (kelebihannya). Dia (Allah) mengampunkan segala dosamu dan memasukkan mu ke dalam syurga yang mengalir di bawahnya anak-anak sungai dan tempat-tempat tinggal yang baik di dalam syurga ‘Adnin. Itulah keberuntungan yang besar.”

Al-Saaf 61:10 12

3.2 Contoh 2

Bidang : Keusahawanan


Fortune Executive Encyclopedia mentakrifkan seorang penguasa sebagai “individual who initiates business activity. The term is often associated with one who takes business risks.” Sementara itu, Edwin Mansfield di dalam bukunya “Microeconomics - Theory and Applications” menegaskan bahawa penguasaalah yang mengawal dan menentukan segalanya; dari aspek pengeluaran ke aspek perletakkan harga untuk barangnya.

“Traditionally, they have posited the existence control over the firm’s activities. The entrepreneur decides whether the firm should continue its existence (or be founded in the first place); he or she sets the price or decides what price to accept; and he or she decides whether output and capacity should be increased or decreased.”²

Konsep yang dinyatakan di atas pula sejajar dengan konsep “internal locus of control” dalam bidang Organisational Behaviour yang menyatakan bahawa individu mempunyai perwatakan dalaman (internal) berupaya untuk mengawal dan menentukan untung-rugi nasib mereka sendiri.

“Internal (person with internal locus of control) believe that they are able to control their own fate or destiny.”³

Walaupun konsep atau pendapat-pendapat di atas ada kebenarannya, tetapi bukanlah kebenaran yang mutlak. Ia menunjukkan bahawa manusia menentukan segalanya tanpa mengambil-kira Qudrat (Kuasa) dan Iradat (Kehendak) Illahi. Maka, pemikir-pemikir barat telah menafikan sama-sekali konsep Qada’ dan Qadar di mana secara ringkasnya bermaksud, manusia hanya dapat merancang dan mengatur tetapi Allah yang menentukan hasilnya atau untung-rugi nasib seseorang atau sesuatu masyarakat.



MODEL 2 : PERHUBUNGAN ANTARA PENGUSAHA DAN ALLAH: KEJAYAAN DAN KEGAGALAN

Model 2 menunjukkan pengusaha haruslah memelihara perhubungan antaranya dan Penciptanya. Jadi, sekiranya dia berjaya, dia tidak akan angkuh dengan kejayaannya tetapi sebaliknya bersyukur atau berterimakasih kepada Allah SWT di atas kejayaannya dan meneruskan usaha dalam mencapai objektif yang seterusnya. Dalam pada itu, sekiranya dia gagal, maka haruslah dia bersabar dalam menerima hakikat. Mungkin ini akan membuka mata pengusaha untuk memperbaiki kelemahan-kelemahan dan seterusnya meningkatkan usaha dalam mencapai objektif yang dicitakan.

Bumi dan segala kandungannya adalah kepunyaan Allah SWT. kita hanya diutuskan sebagai khalifah untuk mentadbir dan menguruskan harta Allah ini untuk kebaikan serta kebijakan manusia sejagat. Fakta ini ada dinyatakan di dalam Al-Quran di mana Allah berfirman:

Demikianlah Kami menjadikan kamu (umat Islam) sebagai Ummatan Wasatan supaya kamu menjadi saksi atas sekelian manusia. Dan sesungguhnya pada diri Rasulullah SAW itu terdapat sari teladan untuk dicontohi.”

(Al-Baqarah 2:143)

Ummatan Wasatan ialah umat contoh, umat sederhana dan seimbang. Umat yang ada keseimbangan dalam mengejar kehidupan dunia dan akhirat, antara kemajuan kebendaan dan kekentalan rohaniah dan antara ketinggian martabat ilmu yang kemudiannya diterjemahkan dalam akhlak dan perilaku yang baik.⁴


Allah juga berFirman

“Dan diantara tanda-tanda kekuasaanNya ialah Dia menciptakan untukmu isteri-isteri dari jenismu sendiri, supaya kamu cenderung dan merasa tenteram kepadanya, dan dijadikannya diantara kamu rasa kasih dan sayang. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi kamu yang berfikir. Dan diantara tanda-tanda kekuasaanNya ialah Dia menciptakan langit dan bumi yang berlainan bahasa dan warna kulit. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda orang-orang yang mengetahui”.

(Al-Ruum 30:21 - 22)

Mengikut pandangan Islam, keusahawanaan masih berobjektifkan keuntungan tetapi, bukanlah berobjektifkan keuntungan wang-ringgit semata-mata. Keuntungan yang dimaksudkan antara lainnya ialah:-

- i) untuk mencari keredhaan Allah SWT.
- ii) untuk beribadah; setiap aktiviti yang dilaksanakan adalah kerana Allah SWT
- iii) untuk berbakti kepada masyarakat.
- iv) untuk mendapatkan kekuatan ekonomi, jasmani dan rohani.



MODEL 3: KEUSAHAWANAN DALAM ISLAM

3.3 Contoh 3


Bidang: Pendidikan

Tidak dapat dinafikan bahawa masih ramai diantara kita yang masih mengagung-agungkan sistem pendidikan barat tanpa menapis, menganalisa serta mengkaji baik-buruknya. Akibat dari pengaruh pendidikan barat ini, ramai diantara remaja kita hari ini terlalu terikut-ikut budaya rock, pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan, penyalahgunaan dadah dan lain-lain lagi. Hal ini sememangnya telah berlaku di dalam masyarakat barat.

“Of late, Ameriacan education particularly secondary education has some in for criticisms from educators and laymen alike. This criticism has stemmed from reports of decline in quality of learning among students, increase in cases of indiscipline, assault of teachers, widespread drug abuse among students and increase in teenage pregnancy.”⁵

Disamping itu, walaupun sistem pendidikan hari ini telah diperlengkapkan dengan berbagai teori, kaedah dan kemudahan; masih terdapat banyak masalah-masalah disiplin, sosial, pencapaian akademik yang kurang memuaskan dan kekeliruan nilai dikalangan remaja masakini. Salah satu sebab mengapa fenomena seperti ini terus berluwasa ialah kerana pelajar masakini tidak sedar atau tidak faham tentang konsep ilmu yang sebenarnya.. Walau bagaimanapun, ini bukanlah salah mereka. Kitalah yang harus mencari jalan kearah penyelesaian masalah ini. Isu ini akan dibincangkan kemudian di bawah tajuk "Tugas Siapa Sebenarnya?"

Kita sentiasa mengukur kejayaan dengan faktor-faktor material seperti kedudukan, status, ganjaran kewangan dan prestij. Jadi, menuntut ilmu bolehlah disamakan dengan mencari kejayaan hidup dalam ertikata material.



MODEL 4: SALAH TANGGAPAN MENGENAI ILMU

Secara rambang, adalah tidak menjadi terlalu ketara sekiranya sistem yang ada dapat menjamin ganjaran material supaya terus dapat merangsang pencapaian. Tetapi persoalannya sekarang ialah, apakah akan terjadi sekiranya sistem yang diwujudkan tidak lagi dapat menjamin kekayaan, kedudukan, status dan pangkat mungkin akibat dari persaingan yang terlalu hebat atau kemelesetan ekonomi. Maka, lahirlah pelajar-pelajar yang tidak bersemangat, patah hati, atau tidak terdorong untuk menuntut ilmu kerana ganjaran-ganjaran material sudah tidak lagi ditawarkan secara automatik. Sekarang ini, banyak pula berlaku jenayah kolar putih seperti pecah amanah dan rasuah yang dilakukan oleh mereka yang "berilmu" dan berpengaruh untuk mencari atau menambah kejayaan material mereka.


Jadi, memandangkan perkembangan-perkembangan yang berlaku pada hari ini, kita perlu mengIslamkan persepsi untuk mengubah “world-view” pelajar-pelajar generasi baru dalam mencari satu pendekatan alternatif yang lebih konkret. Kita harus sedar bahawa kejayaan materialistik seperti kekayaan, kedudukan, status dan pangkat bukanlah matlamat dalam kita menuntut ilmu, tetapi ianya adalah ganjaran atau hadiah yang dikurniakan oleh Allah SWT yang secara kolektifnya disifatkan sebagai rezeki. Tetapi, matlamat yang sebenarnya dalam kita menuntut ilmu ialah untuk mencari keredhaan Tuhan Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang dan melaksanakan perintahNya (untuk menuntut ilmu) sebagaimana kita mematuhi perintah sembahyang, puasa dan lainnya bagi melayakkan kita sebagai **hamba** Allah. Ini bertepatan dengan pentakrifan Islam itu sendiri iaitu Islam ialah penyerahan total kepada Allah SWT. Konsep ini pula diperkuatkan oleh sepotong ayat di dalam Doa Iftitah yang bermaksud:-

“Sesungguhnya solatku (sembahyang), ibadahku, hidupku dan matiku kerana Allah Tuhan Sekelian Alam.”

Secara ringkas, apa yang dimaksudkan dengan keredhaan Allah SWT ialah supaya ilmu yang dipelajari dapat diamalkan dan disebarluaskan untuk mendidik dan kebaikan manusia sejagat dan seterusnya mendapat manfaat di dunia dan akhirat. Tegasnya, individu yang menuntut ilmu hanya untuk kepentingan dirinya sahaja atau untuk merosakkan tamaddun manusia adalah menjadi satu kesalahan besar. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:-

“Sesungguhnya orang yang paling berat azabnya di Hari Kiamat ialah orang yang alim yang tidak dapat faedah dari ilmunya (kerana tidak beramal dengannya).”

Berdasarkan kepada faktor-faktor yang telah dibentangkan, saya rasa adalah perlu supaya Model 4 diubahsuai untuk memberikan gambaran yang jelas tentang apa yang yang kita bincangkan.



MODEL 5: PERSEPSI MENUNTUT ILMU

Sekali lagi, berdasarkan pada model 5 matlamat menuntut ilmu ialah mencari keredhaan Allah. Bila Allah redha, maka Allah memberi kita kekayaan, kedudukan, status dan pangkat yang mana bersamanya ia (manusia) menggunakan dalam batas-batas yang diredhai oleh Allah dan juga kembali mencari keredhaan Allah.

Perlu juga ditekankan di sini bahawa tujuan pendidikan ialah untuk menghasilkan manusia yang soleh dan bukan manusia yang berupaya untuk berfikir sahaja kerana manusia yang soleh sahaja akan berfikir untuk mencari kebaikan dunia dan akhirat.

“The purpose of education is to produce a good man not just a thinking man.”

Banyak lagi contoh-contoh yang tidak sempat saya sertakan di dalam rencana ini seperti dalam bidang sains komputer, pengurusan, persekitaran dan genetik. Walau bagaimanapun, marilah sama-sama kita menilai ilmu-ilmu tertentu dan kesannya terhadap fikrah Islamiah khususnya dan fikrah manusia amnya. Seyyed Hossein Nasr di dalam salah sebuah bukunya ada menyatakan:-

“That the harmony between man and nature has been destroyed, is a fact which most people admit. But not everyone realizes that this equilibrium is due to the destruction of the harmony between man and God.”⁶

4. TUGAS SIAPA?

Sekarang, setelah kita mengambil-kira beberapa contoh yang telah saya ketengahkan, sampailah masanya pula kita membincangkan tentang salah satu persoalan pokok iaitu **Islamisasi Ilmu - Tugas Siapa?** Apabila dibicarakan tentang tugas, kita tidak boleh pisahkan aspek-aspek yang datang bersama tugas. Aspek-aspek yang dimaksudkan ialah tanggung-jawab, kuasa, dan ‘accountability’. Jadi, apabila diperkatakan tentang **tugas siapa** kita sebenarnya mempertikaikan tentang siapa yang bertanggung-jawab, siapa yang berkuasa dan siapa pula yang “accountable”.

Untuk menjawab soalan di atas, rata-rata akan mengatakan dan berpendapat bahawa pendidik-pendidiklah yang patut ditugaskan. Walau bagaimanapun, untuk menyerahkan tugas yang berat ini kepada pendidik semata-mata adalah tidak adil dan tidak wajar. Prof. Mohd. Kamal Hassan pernah menyarankan:-


“Oleh kerana pendidikan ialah proses pembangunan insan sepanjang hayat, maka ia tidak boleh diserahkan kepada satu agensi sahaja seperti sekolah, maktab atau universiti. Pendidikan di dalam keluarga, pendidikan tidak formal dalam masyarakat melalui berbagai saluran dan pendidikan formal di sekolah semuanya mempunyai saham dalam pembangunan ummah.”⁷

Oleh itu, adalah perlu untuk kita membentuk satu kaedah yang mengintegrasikan semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak dalam proses pendidikan berusaha untuk mengIslamisasikan ilmu. Ini termasuklah pendidik-pendidik, ibu-bapa, ahli-ahli politik atau sesiapa saja pun. Dalam ertikata yang lain, selagi kita dipanggil manusia yang waras dan rasional serta mempunyai peranan dalam masyarakat, mengIslamisasikan ilmu adalah merupakan tugas kita bersama.



MODEL 6: ISLAMISASI ILMU - TUGAS BERSAMA

Walau bagaimanapun, model 6 tidak berupaya untuk memberikan gambaran sebenarnya. Meskipun ia menunjukkan integrasi usaha dari pihak pendidikan formal dan tidak formal, ia tidak menunjukkan "scepticisms" yang dihadapi dalam materialisasikan pengIslamisasian ilmu. Hasil dari Seminar Pembangunan Intelektual yang telah diadakan di Ayer Keroh, Melaka pada 21 hingga 24hb. September 1989 sebuah model telah cuba dibentuk oleh kumpulan tiga (sila rujuk lampiran 1) untuk menerangkan masalah yang dihadapi, strategi yang cuba disusun dan objektif yang perlu dicapai. Illustrasi untuk menerangkan maksud di atas tertera di dalam model 7.



MODEL 7: ISLAMISASI - PROSES DAN ASPIRASI

Berdasarkan pada model 7, isu yang ditumpukan ialah proses Islamisasi budaya dan ilmu. Budaya merangkumi persekitaran kerja dan kehidupan sehari-hari. Walau bagaimanapun, dalam kita cuba mencapai sesuatu objektif, masalah pasti timbul. Antara rintangan yang dihadapi ialah:-

- i) tahap keimanan individu.
- ii) tahap kefahaman terhadap konsep ilmu.
- iii) tahap kesedaran.
- iv) keberkesanannya perlaksanaan.
- v) kesambungan dalam perlaksanaan.
- vi) kesiapan diri dalam menghadapi cabaran.

Untuk menangani rintangan-rintangan ini, pendekatan yang telah diambil dalam menyusun strategi ialah bermula dengan pengisian jiwa dan rohani individu kerana secara kolektifnya individu akan membentuk masyarakat yang seterusnya membentuk sebuah negara. Jadi, untuk merealisasikan aspirasi proses Islamisasi, titik permulaannya ialah diri **KITA** sendiri.

Dalam menyusun strategi, di sinilah ia melibatkan gabungan usaha antara institusi ilmu formal dan institusi ilmu tidak formal. Walau bagaimanapun, pendidik-pendidik memainkan peranan yang penting dalam memastikan keberkesanan perlaksanaan strategi Islamisasi ilmu. Dengan itu, dari masa kesemasa pendidik perlu diberikan pendedahan melalui bengkel, kursus atau seminar; bertukar-tukar pendapat atau penyelidikan-penyelidikan untuk memantapkan lagi ilmu yang diperolehi. Maka, dengan adanya angkatan pendidik yang berwibawa, dapat dibentuk pelajar-pelajar yang:-

- i) berupaya menilai diri.
- ii) berupaya menilai keadaan semasa.
- iii) mensejajarkan kurikulum formal/tidak formal mengikut garis-garis Islam.
- iv) dapat mewujudkan persekitaran keIslamam.
- v) dapat memperutuhkan nilai-nilai Islam dalam diri.

Akhir sekali, idealnya objektif yang cuba dicapai ialah:-

- i) mewujudkan Muslim yang dinamik.
- ii) menghindari kehancuran dari ilmu budaya barat.

KESIMPULAN

Kita semua sedar betapa pentingnya ilmu dalam kehidupan kita. Tahap pencapaian ilmu dapat menentukan maju-mundurnya seseorang atau sesebuah masyarakat. Ilmu juga disifatkan sebagai makanan atau juadah untuk jiwa. Tanpa ilmu, jiwa menjadi kosong dan tidak bermakna. Oleh itu, walau apa jua profesyen yang kita kerjakan, secara langsung atau tidak, kita terlibat dalam penyibaran ilmu. Mengambil-kira hakikat ini, adalah penting untuk kita menyibarkan ilmu yang betul supaya ilmu yang kita sibarkan tidak memakan diri kelak. Jadi, untuk memastikan kesahihan ilmu, proses pengIslamisasian ilmu adalah kaedah yang paling rasional. Perlu juga diingat bahawa proses Islamisasian ilmu ialah satu proses jangkapanjang.

Sebagai akhir kata, rencana ini hanyalah bertujuan untuk menengahkan konsep bersepadan dalam membentuk intelektual manusia dan bukanya bermaksud untuk menyibarkan sesuatu ideologi.

LAMPIRAN 1

Kumpulan 3 terdiri dari:-

1. Tuan Hj. Amin Abd. Rahman - PPP
2. Pn. Sharifah Sakinah Syed Hussein Aidid.
3. Puan Rahmah - Pusat Bahasa.
4. En. Sunhaji Kiyal Abbas - PPI
5. Tuan Hj. Suwardi Sapuan - PPI
6. Pn. Normah Hj. Omar - Perakaunan.
7. Dr. Abd. Sukor Hashim - Seni Lukis
8. En. Mohd. Hisham Ariffin - KSPU
9. En. Omar Samat - ITM Johor
10. En. Azman Taher - DCS, ITM Pahang
11. Dr. Faridah Samad - Sebaran Am
12. Pn. Rozita Abu - Hotel Catering
13. En. Mohd Haron A. Alim - Perakaunan.

ENDNOTES

1. *Robbins, Stephen R., Organizational Behaviour - Concepts, Controversies and Applications, Third Edition, Prentice-Hall, Englewood Cliffs, New Jersey, 1986 ms 52.*
2. *Mansfield, Edwin, Microeconomics - Theory and Applications, Fourth Edition, W. W. Norton and Company, 1982 ms 166.*
3. *Schermerhorn, John R., Hunt, James G., Osborn, Richard N., Managing Organizational Behaviour Second Edition, John Wiley & Sons, 1985 ms 108.*
4. *Yusoff Mohamad, Bina Insan - Satu Analisa Kaedah, Nurin Enterprise, 1989 ms 2.*
5. *Mohammad Ismail, An Interdisciplinary Program of Muslim Children, kertas kerja yang dibentangkan di 7th Annual Conference, Association of Muslim Social Scientist, Indianapolis, Indiana (USA), Jun 30 - July 2, 1973.*
6. *Seyyed Hossein Nasr, Man and Nature - The Spiritual Crisis of Modern Man, Foundation for Traditional Studies, Kuala Lumpur 1976 ms 20.*
7. *Mohd. Kamal Hassan, Pendidikan dan Pembangunan - Satu Perspektif Bersepadu, Nurin Enterprise, 1988 ms 10.*

Penghargaan diberi kepada Us. Tuan Ibrahim bin Tuan Man kerana telah sudi membantu penyuntingan artikel ini.